

**Blok Batik: Keunikan dan Kebanggaan Seni Warisan Halus Melayu**

Nur Amalia binti Mohd Zaki

Nur Shahirah binti Zulkipli

Mazlina Pati Khan

Jafalizan Md Jali

**Fakulti Pengurusan Maklumat****UiTM Cawangan Selangor, Kampus Puncak Perdana**

Jalan Pulau Indah AU10/A, Puncak Perdana, 40150 Shah Alam, Selangor.

**ABSTRAK**

*Seni halus rekaan batik merupakan satu warisan yang tertua di Malaysia. Ciri-ciri yang terdapat dalam seni kraf batik kebiasaannya dapat dilihat dari segi teknik pembuatan dan hasil kreativiti penggiatnya. Keseniaan batik bukan sahaja terhad kepada pakaian namun ianya juga terdapat pada kraftangan lain seperti cenderamata, perhiasan dalaman dan juga luaran.. Tujuan kajian ini adalah untuk mengkaji sejarah kraftangan blok batik di Malaysia, untuk mengenalpasti jenis-jenis, teknik serta keunikan blok batik yang wujud di Malaysia dan juga untuk mengenalpasti perbezaan blok batik antara Malaysia dan Indonesia. Kelestarian nilai estetika yang terdapat pada batik merupakan pencetus kepada pembangunan industri kraf di kedua-dua negara. Kaedah penyelidikan yang dijalankan adalah secara temubual tokoh Adiguru dalam bidang blok batik di Kelantan iaitu Md. Ghani bin Mat.. Kajian ini dilaksanakan secara kaedah temubual bersemuka kerana penyelidik ingin mendapatkan maklumat yang lebih mendalam mengenai bidang pembuatan batik daripada pakar dan sudah bergiat lama dalam industri ini. Kajian ini memperoleh banyak maklumat yang memenuhi objektif kajian ini dilakukan iaitu untuk mengkaji sejarah kraftangan blok batik di Malaysia, untuk mengenalpasti jenis-jenis, teknik serta keunikan blok batik di Malaysia dan untuk mengenalpasti perbezaan batik Malaysia dan Indonesia. Hasil daripada kajian ini mendapati bahawa negara memerlukan lebih ramai penggiat untuk menjadikan industri ini tetap utuh dan memberikan peluang pendapatan kepada masyarakat. Oleh itu, semua pihak mestilah berganding bahu dalam memastikan industri ini bertahan dan generasi muda faham akan betapa bernilainya warisan negara yang perlu dipelihara.*

**Kata Kunci:** Blok Batik, Adiguru, Seni Halus, Warisan, Kraftangan Melayu

## **ABSTRACT**

*One of the oldest legacies in Malaysia is the fine art of Batik architecture. In terms of processing methods and the outcome of the ingenuity of its activists, the characteristics of Batik craft art can typically be seen. Not only is the craft of Batik restricted to clothes, it is also used on wall ornaments. The goal of this research is to study the history of batik block handicrafts in Malaysia, to identify the styles, techniques, and uniqueness of batik blocks in Malaysia, as well as to identify the differences between batik blocks from Malaysia and Indonesia. The preservation of the artistic significance contained in Batik is a consideration in the growth of the country's craft industry. The research method conducted is an interview with an Adiguru figure in the field of batik block in Kelantan, namely Md. Ghani bin Mat.. In face-to-face interviews, this study was done because the researchers needed to get more in-depth knowledge about this area from someone who is an authority and has been involved for a long time in this business. This study obtained a lot of information that meets the objectives of this study is to study the history of batik block handicrafts in Malaysia, to identify the types, techniques and uniqueness of batik blocks in Malaysia and to identify the differences between Malaysian and Indonesian batik. The findings obtained symbolise the need for more progressives in the country to maintain this sector alive and provide the society with revenue opportunities. Therefore, to ensure that this sector continues and the younger generation knows the importance of the history of the country that needs to be protected, both parties must work together.*

**Keywords:** Batik Block, Adiguru, Heritage, Fine Art, Malay Craft

## PENGENALAN

Kepelbagaian kraf di Malaysia mempunyai nilai estetikanya yang tersendiri dan ianya merupakan satu elemen yang penting dalam memastikan setiap karya seni yang dihasilkan mempunyai kualiti yang tinggi dan bermutu. Secara amnya, Batik Lukis lebih dikenali berbanding Batik Blok oleh masyarakat hari ini, sedangkan Batik Blok terlebih dahulu diperkenalkan berbanding Batik Lukis di negara ini. Terdapat nama lain bagi Batik Blok seperti Batik Terap, Batik Cap atau Batik Tukul. Hal ini disebabkan cara pembuatannya yang mengukir corak pada permukaan bongkah kayu mahupun pelbagai instrumen yang dipilih seperti batang pisang dan ubi kentang dengan ukiran timbul. Ukiran yang telah siap akan dicelup dan ditekup untuk menghasilkan sebuah produk batik. Blok Batik pada masa kini telah diberi nafas baru dengan menaiktaraf daripada bongkah kayu kepada tembaga. Hal ini disebabkan beberapa faktor yang diambil kira bagi memastikan ketahanan blok untuk bertahan lama. Fungsi blok adalah untuk dijadikan satu media membuat batik dengan cepat dan tepat kerana pengusaha hanya perlu memesan corak yang diinginkan dan menerapkannya di atas permukaan kain. Era globalisasi kini teknik pembuatan blok telah mengalami inovasi dimana ianya sudah mulai dibuat dengan bantuan mesin namun ia masih mengekalkan terapan corak batik. Penggunaan blok batik kini digunakan secara meluas dan tidak hanya terhad kepada terapan pada kain sahaja. Penggunaan blok batik kini telah diperluas dengan menyetengah gaya inovasi dan idea rekaan rumah seperti dinding, alas meja dan alas tilam serta bantal.

## PERMASALAHAN KAJIAN

Terdapat banyak isu yang diketengahkan dalam industri batik, antaranya isu kekurangan tenaga mahir dalam bidang kraftangan.. Menurut *Datuk Mohammaddin Ketapi (2018)* secara jujurnya tenaga mahir dalam pembuatan kraftangan ini tidak ramai. Bidang ini sebenarnya kekurangan tenaga mahir yang mahir bagi generasi masa

kini untuk meneruskannya agar ia kekal terpelihara. Kekurangan tenaga mahir dalam bidang ini tidak akan mustahil sekiranya blok batik ini akan pupus dan ketinggalan dek zaman suatu hari nanti. Kekurangan pakar dalam bidang ini juga tidak mustahil sekiranya satu hari nanti, akan timbulnya masalah tuntutan warisan dari negara lain. Pakar-pakar yang boleh membuktikan keaslian warisan dari negara kita perlu ada bagi memastikan warisan atau khazanah negara kita terpelihara. Malah coretan S. Mahfuz (2019), juga mengupas mengenai pengusaha Batik Blok di Terengganu yang semakin terancam. Ianya berlaku disebabkan kekurangan tenaga muda di Terengganu dan tidak mustahil warisan ini akan pupus dalam tempoh 15 atau 20 akan datang.

Mohd Rashid Jusoh berkata, permintaan Batik Blok amat tinggi tapi sayangnya untuk memenuhi permintaan tersebut agak sukar disebabkan oleh kekurangan tenaga muda. Kata beliau lagi, tenaga muda sekarang lebih suka bekerja di pasaraya dari bekerja di bawah terik matahari serta kerja yang memerlukan seni ini. Sekiranya, blok batik ini diberikan perhatian yang sewajarnya, ianya dapat menyumbang kepada ekonomi dalam negara kita serta menaikkan kembali tentang warisan ini. Namun, masyarakat kini makin melupakan tentang kewujudan blok batik yang pernah menjadi unggulan suatu masa dahulu.

Oleh hal yang demikian, merujuk kepada isu ini telah mendorong kajian ini dilakukan dalam memastikan maklumat dan dokumentasi kepada seni Batik Blok ini dapat dipelihara dan boleh dijadikan rujukan kepada masyarakat akan datang. Keperluan kajian mengenai sejarah kraftangan Blok Batik di Malaysia, mengenalpasti keunikan Blok Batik serta mengenalpasti perbezaan batik Malaysia dan Indonesia perlu dijalankan dalam memartabatkan dan menaikkan minat para bakal penggiat seni batik ini pada masa akan datang.

**OBJEKTIF KAJIAN**

- 1) Untuk mengkaji sejarah kraftangan blok batik di Malaysia.
- 2) Untuk mengenalpasti jenis-jenis, teknik serta keunikkan blok batik di Malaysia.
- 3) Untuk mengenalpasti perbezaan batik Malaysia dan Indonesia.

**PERSOALAN KAJIAN**

- 1) Apakah sejarah kraftangan blok batik di Malaysia?
- 2) Apakah jenis-jenis, teknik serta keunikkan blok batik di Malaysia?
- 3) Bagaimana untuk membezakan batik Malaysia dan Indonesia?

**KEPENTINGAN DAN SUMBANGAN KAJIAN**

Di Malaysia batik merupakan karya yang unggul kerana nilai estetikanya. Bagi melestarikan penggunaan batik satu arahan telah dikeluarkan oleh Pengarah Jabatan Perkhidmatan Awam iaitu Tan Sri Ismail Adam yang memberi arahan untuk semua pekerja sektor memakai batik pada hari tertentu seperti yang dinyatakan. Secara rasionalnya arahan ini adalah untuk menunjukkan betapa pentingnya warisan negara. Namun ianya kurang mendapat sambutan kerana ada segelintir yang masih kurang peka akan arahan dan tujuan arahan ini dikeluarkan.

Menurut *Einarsoon (2002)*, pembangunan kraf menyumbang kepada pembangunan ekonomi di beberapa buah negara di Asia Tenggara. Seterusnya, dalam memastikan industri ini kekal hidup masyarakat, pengusaha batik serta organisasi berkaitan wajar berganding bahu dalam memastikan penggiat blok batik sentiasa mendapat idea baharu dalam semua aspek agar produk yang dihasilkan berkualiti tinggi.

Industri seni halus ini kebanyakannya diusahakan oleh penduduk luar bandar. Meskipun ia diusahakan oleh penduduk luar bandar ia mampu untuk membentuk masyarakat supaya lebih berfikiran kreatif, inovatif dan mampu untuk bersaing dengan industri yang lain. Hal ini demikian kerana persaingan didalam sektor ini sengit. Di dalam industri ini masyarakat mestilah mempunyai daya pemikiran yang kreatif dalam menghasilkan sesuatu rekaan kerana ianya melambangkan identiti pengusaha untuk bersaing dengan sihat.

Seterusnya, dari segi sosial melalui pembuatan blok ia mampu untuk menarik pelancong luar untuk meneroka motif yang dipasarkan di negara kita. Menurut tokoh adiguru blok batik *Md. Ghani b Mat (2020)* beliau pernah menerima tempahan dari pelancong luar selepas dia tertarik dengan corak dan motif yang dikeluarkannya, dia memesan beberapa jenis corak atau motif untuk dibawa pulang ke negara asalnya.

## TINJAUAN LITERATUR

Melalui tinjauan yang telah dibuat ke atas kajian-kajian lepas, semestinya terdapat pelbagai kajian yang berkaitan dengan bidang kraftangan blok batik ini. Walau bagaimanapun, kebanyakan kajian yang dijalankan memberi tumpuan yang berbeza-beza mengikut para pengkaji. Namun, penulisan kajian yang dilakukan pengkaji tidaklah diterangkan secara terperinci di dalam penulisan mereka.

Merujuk karya Azni Hanim Hamzah (2014) cetakan awal mengenai batik dibuat oleh Belanda atau lebih dikenali sebagai Holland. Pada tahun 1641 Belanda telah tiba di tanah melayu dan menjalin hubungan perdagangan dari Jawa ke Bangkahulu melalui Sumatera Barat. Coretan Siti Zainun Ismail nama batik diambil dari teknik penggunaan lilin yang telah dicairkan melalui kaedah menitikkan lilin pada permukaan kain menggunakan kaedah canting. Dalam bahasa Jawa disebut sebagai tritik iaitu kesan daripada titikan lilin yang meninggalkan kesan titik putih apabila dicelupkan ke dalam warna.

Pendapat lain juga percaya batik berasal dari Mesir sekitar tahun 1500 sebelum masihi, ada juga yang berpendapat berasal dari India.

Perkataan batik membawa maksud 'menulis titik-titik' yang boleh dijelaskan sebagai melakar corak diatas permukaan kain. Hal ini tampak jelas menceritakan bahawa istilah batik itu kepada kaedah dalam menghasilkan batik. Pada asasnya, dalam menghasilkan batik menggunakan kaedah penggunaan lilin (Robinson, 2001; Kheng, 2002; Lillethun, 2004; Azmi et.al, 2009) namun dengan penambahan lain seperti kanji yang pekat atau lumpur yang pekat (Samah, 1990; Lin, 2007).

Batik merupakan salah satu bidang tekstil utama bagi masyarakat melayu sejak berzaman lagi. Pada tahun 2011, satu kajian dijalankan terhadap industri batik yang telah bertahan selama 100 tahun dahulu menunjukkan bahawa batik masih lagi relevan pada masa kini. Batik tergolong dalam salah satu industri kreatif yang mampu menjana ekonomi negara. Haji Che Su bin Haji Ishak (1938) kajian membuktikan bahawa perindustrian mampu bertahan lama dan member peluang pekerjaan kepada masyarakat. Melalui industri ini pelbagai inovasi turut dihidupkan bagi tujuan industri ini terus berkembang.

Seterusnya, menurut *My Pride Jabatan Penjara Malaysia* (2016), motif pembuatan batik terbahagi kepada dua jenis iaitu motif organik serta motif geometrik. Motif organik adalah diadaptasikan daripada unsur alam semulajadi seperti awan, bunga-bungan, haiwan serta juga tumbuh-tumbuhan. Manakala, motif geometrik adalah diadaptasi daripada motif seperti pucuk rebung dan bunga kotak bercampur.

Selain itu, menurut Sarah Arney (1987) telah memperincikan bahawa motif batik yang ditonjolkan oleh pengusaha batik di Malaysia pada abad ke 20 telah menonjolkan tradisi, sifat dan budaya masyarakat yang hidup dalam penuh perpaduan yang mampu dikekalkan sehingga kini oleh masyarakat. Hal ini jelas menunjukkan setiap motif yang direka atau dihasilkan mempunyai nilai-nilai yang tersendiri.

Selanjutnya, dalam mencorak setiap blok batik pengusaha haruslah sentiasa kreatif dalam menyusun corak-corak yang segar dan dekat dengan penggemarnya agar corak yang dihasilkan tidak berada pada kedudukan yang lapuk. Menurut Gardner (1983) dengan *The Theory of Multiple Intelligences* dalam karyanya yang bertajuk *Frames of Mind* menegaskan bahawa daya kreatif yang dimiliki oleh manusia berada jauh didalam diri manusia itu sendiri dan berjaya memanipulasikan visual mampu menarik minat manusia lain untuk memilikinya. Namun terdapat juga pendapat yang bercanggah dengan bahwasanya kreativiti dan daya fikir manusia tidak berkait rapat.

Disamping itu, Mihalyi (1996) menerusi karyanya *Creativity: Flow and the Psychology of Discovery and Invention* menjelaskan manusia akan terus bermain dengan kreativiti mereka sehingga mereka dapat meluahkan idea mereka secara spontan bagi meneruskan kelangsungan hidup. Dengan keadaan yang terdesak manusia mampu berfikir dalam mengolah idea mereka dan mampu untuk menghasilkan kreativiti mereka dalam keadaan yang tidak sedar dan mereka berbangga dengan apa yang dihasilkan.

Menurut tokoh adiguru, *Md Ghani B Mat (2020)* yang menjadikan blok batiknya unik adalah kerana beliau memainkan lakaran dan cara pembuatan yang halus. Hal ini menunjukkan bahawa hasil karya beliau sukar dicari atau diganti ditempat lain kerana kehalusan yang ditonjolkan memerlukan pengamatan yang jelas dan tetap fokus demi memastikan hasil dan lakaran yang dibuat selari. Kebanyakan pengusaha tidak sanggup untuk berbuat demikian kerana komitmen dalam menyiapkannya sangat tinggi demi hasil yang berkualiti dan bermutu.

Lagi pendapat daripada seorang tokoh yang berpengalaman *Mahadi @ Ibrahim Deraman*, beliau berkata bahawa penciptaan blok batik ianya dihasilkan daripada kepingan zink yang jauh lebih lembut dan ianya berbeza daripada blok indonesia. Pembuatan blok batik ini dengan menyediakan blok khas bagi tujuan menconteng lilin pada bahagian kepala, kaput serta badan kain. Harga blok batik biasanya dalam lingkungan RM50 hingga RM500. Harganya mengikut bentuk serta



rekaan. Terdapat pelbagai saiz seperti kecil, bersaiz sederhana dan besar.

Maznah Mohamad (1996) turut berkongsi sedikit sebanyak mengenai pengaruh yang dibawa beberapa daerah di Indonesia ke Malaysia seperti Sumatera, Riau, Sulawesi, Jawa dan beberapa daerah yang menjalin hubungan politik dan ikatan perkahwinan yang terjalin diantara Johor-Riau-Lingga seawal abad ke 17. Jelaslah bahawa ianya membawa pengaruh dalam perusahaan tekstil di negara ini diantaranya songket dan kain bugis. Aktiviti perdagangan yang berlaku ketika itu telah membawa kepada terjalinnya hubungan serumpun di antara Malaysia dan Indonesia melalui kegiatan komuniti pertukaran utama (songket) ketika itu.

Mubin Sheppard (1949) menjelaskan pengaruh Indonesia seperti Riau dan Daik dalam aktiti tekstil di Terengganu sekitar abad ke-19. Perhubungan politik diantara Terengganu dengan Johor-Riau-Lingga pada abad ke-19 pada zaman pemerintahan Sultan Zainal Abidin I telah membuka pintu perkembangan perusahaan tempatan. Ikatan politik ini diteruskan oleh Sultan Baginda Omar yang mana Ketika itu mengatur Langkah untuk menguatkan ikatan ekonomi dan penghijrahan pengusaha dari Riau dan Daik untuk berkongsi ilmu dengan pengusaha tempatan.

Akhir sekali, tulisan Ahmad Farid Abdul Jalal (2013) berkongsi bahawa kira-kira 280 tahun lampau, kemahiran tenunan telah dibawa masuk ke semenanjung Tanah Melayu dari Kepulauan Sulawesi hasil daripada migrasi pencerobohan Belanda keatas Pelabuhan Mekasar yang merupakan tunjang penduduk di Kepulauan Sulawesi. Pada Ketika itu pakaian melayu masih dikekalkan dan ianya dilihat semakin berkembang dengan pengaruh daripada Aceh dan Sumatera.


## **METODOLOGI**

Definisi sejarah lisan menurut Jan Vansina (1972), ialah suatu kaedah untuk mengembalikan kenang-kenangan seseorang tokoh yang dirakam secara langsung. Sejarah lisan merupakan sumber yang sedia

ada dengan cara percakapan mulut ke mulut oleh seseorang yang ada atau menyaksikan sesuatu peristiwa yang telah berlaku. Segala memori yang berlaku hanyalah tersimpan di dalam ingatan saksi pada hari kejadian atau bila ianya berlaku dan tidak ditulis atau dirakamkan. Jelaslah kenangan menjadikan sejarah lisan itu unik kerana mampu menghubungkan kita dengan sejarah awal kemunculannya. Menurut Rozeman Abu Hassan (2004), aktiviti wawancara ini mesti dilakukan ke atas seseorang tokoh yang boleh berkongsi dan menyumbang maklumat yang betul dan tepat. Tokoh yang diwawancara perlu mempunyai hubung kait dengan sejarah dan budaya yang dikaji.

Tokoh yang dipilih dalam kajian ini adalah Encik Ghani bin Mat, beliau merupakan Adiguru Karang kraf yang diiktiraf dalam bidang Blok Batik di Negeri Kelantan. Penyelidik memilih beliau kerana pengalaman dan kemahiran beliau dalam bidang Batik Blok selama 48 tahun yang bermula sejak tahun 1972. Beliau dilahirkan pada 23 disember 1956 di negeri Kelantan dan berasal dari Sungai Keladi sebelum bermastautin di kampung isterinya di Wakaf Bharu, Kelantan. Beliau dikurniakan 5 orang cahaya mata dalam perkahwinannya.

Secara ringkasnya, prosedur pengumpulan data adalah seperti berikut:



## **HASIL KAJIAN**

### **Sejarah Blok Batik**

Masyarakat di negara ini merupakan sebuah komuniti yang kaya dengan pelbagai seni ukir dan kraftangan yang dapat dilihat dari perkembangan sosio budaya sesebuah kaum samaada melayu, cina, india mahupun bumiputera di Sabah dan Sarawak.. Batik merupakan salah satu kraftangan yang tidak asing lagi dan popular pada masa dulu sehingga sekarang dan kini seni kraftangan ini masih dipelopori oleh masyarakat di luar bandar. Menurut (Azmi, 2009) batik adalah salah satu kraftangan yang wujud dalam bidang tekstil yang dilukis atau diterap pada permukaan kain.

Perkataan Batik adalah berasal dari Indonesia yang membawa maksud titik yang terdapat pada pakaian (Robinson, 2001). Namun terdapat juga pendapat yang menyatakan perkataan batik berasal daripada Bahasa jawa iaitu trilitik (Robinson, 2001: Azmi, 2009). Industri kraftangan batik mula mendapat tempat di negara ini bermula dari abad ke 15 Masihi melalui penggunaan teknik pembikinan bercorak tradisional. Batik merupakan kraftangan yang sangat dibanggakan di Malaysia kerana seni halusnyanya dapat menarik perhatian sesiapa sahaja yang memandang kepada olahan coraknya.

Awalnya batik yang wujud di negara kita terutamanya di negeri Kelantan telah diperkenalkan bermula pada tahun 1910. Pada tahun 1911, keluarga Haji Che Su bin Haji Ishak telah memulakan perusahaan Batik di Kelantan. Beliau telah mengeluarkan penggunaan blok kayu pada tahun 1922. Kemasukkan pewarna kimia dari eropah dapat dilihat pada tahun 1926 yang telah membawa kepada perkembang dalam bidang batik.

Walaubagaimanapun, tiada siapa yang mampu untuk menerangkan dengan lebih tepat asal usul batik. Menurut (Redzuan &

Arif, 2019) para penyelidik menganggap batik sudah berusia lebih 2000 tahun. Hal ini dipercayai kerana ianya merupakan budaya zaman lampau dari beberapa buah negara seperti China, Jepun dan Jawa (Samah, 1990). Di Malaysia batik yang popular ialah Batik Blok, Batik Canting dan Batik skrin.

Secara amnya, Blok Batik adalah sebuah alatan pengukiran corak batik yang melibatkan kaedah pembuatannya yang terdiri daripada proses pengukiran corak pada bongkah kayu mahupun pelbagai instrumen yang dipilih seperti batang pisang dan ubi kentang dengan ukiran timbul. Ukiran yang telah siap akan dicelup dan ditekup pada permukaan kain. Maka hasil daripada proses ini diberi nama Batik Blok.



Gambar 1: Jenis-jenis blok batik

**Jenis-jenis Batik di negara Malaysia**

Seni warisan Batik merupakan salah satu seni halus yang disegani di Malaysia, ini adalah kerana nilai eksklusif pada setiap produk Batik yang unik dan mampu menarik mata yang memandang dan seri kepada pemakainya. Batik yang terdapat di negara ini terdiri daripada pelbagai jenis antaranya Blok Batik, Batik Canting, Batik Skrin dan Batik Pelangi. Jenis-jenis batik ini berbeza diantara satu sama lain kerana cara pembuatan dan penghasilannya yang unik mengikut jenis masing-masing.



Gambar 2: Cap menerap blok batik

Blok Batik pada awalnya diperbuat daripada bongkah kayu namun ianya telah meniti arus pemodenan dengan berubah kepada tembaga. Menurut tokoh adiguru dalam bidang blok batik (Md. Ghani, 2020) pada awalnya blok diperbuat daripada bongkah kayu, tetapi mempunyai sedikit kelemahan kerana mudah reput dan terbakar. Setelah itu, blok batik tembaga diperkenalkan kerana bahan ini mampu bertahan sehingga beberapa tahun dengan penjagaan yang rapi oleh pemilik.



Gambar 3: Contoh corak pada batik canting

Batik canting atau tulis ianya diperbuat daripada pelbagai jenis kain seperti voile, sutera dan kapas. Kebiasaanya motif dilukis adalah ilham daripada kepelbagaian sumber alam serta bermotifkan corak geometri. *Batik lukis dihasilkan dengan menggunakan bekas yang kecil atau dikenali dengan nama canting iaitu bekas yang mempunyai saluran muncung halus bagi menakung lilin dengan tujuan untuk memblok warna.*



Gambar 4: Contoh Batik Skrin



Jenis batik seterusnya adalah Batik Skrin yang berasal dari negara Thailand. Jika dilihat kepada corak motif kedua-dua jenis batik ini mempunyai persamaan yang jelas, namun yang membezakan antara kedua-dua jenis batik ini adalah penggunaan lilin pada proses cantingan batik. Menurut responden kajian, beliau menyatakan antara produk tekstil batik yang menggunakan konsep Batik Skrin adalah batik sarung yang dikatakan lebih popular kerana pengeluarannya yang lebih cepat dalam sesuatu masa berbanding dengan Batik Blok.



*Gambar 5: Contoh Batik Pelangi*

Selain itu, antara jenis batik yang dikenali di negara ini adalah Batik Pelang iaitu satu produk batik yang dikenali oleh penggunaan warnanya yang berwarna warni. Batik pelangi mendapat tempat di hati pengguna kerana warnanya yang meriah. Ianya juga seakan batik kaftan. Ia dihasilkan dengan menggunakan teknik ikat dan celup. Kain diikat beberapa kali menggunakan lilin untuk menghalang penyerapan warna. Bilangan ikatan dan celupan bergantung kepada corak dan warna yang ingin dihasilkan.

### Teknik Pembuatan Blok Batik

Pada dasarnya teknik menghasilkan blok batik ini mempunyai tekniknya yang tersendiri yang mana melibatkan proses lakaran, lenturan, pateri dan pemasangan. Proses ini memerlukan kemahiran teknikal dan kesenian yang tinggi pada pembuatnya kerana nilai sesebuah seni kraftangan ini bergantung kepada keistimewaan kemahiran ini. Merujuk kepada maklumat yang diperolehi daripada responden kajian, proses pertama yang perlu dilakukan adalah membuat lakaran motif pada kertas supaya penggiat mempunyai gambaran yang jelas akan corak yang ingin dihasilkan. Malah proses ini juga bertujuan untuk memastikan lakaran yang dihasilkan seimbang dengan corak atau motif yang ingin diadaptasikan.

Setelah lakaran yang dihasilkan dan dipersetujui atau muktamad, proses seterusnya bermula dengan melentur kepingan tembaga mengikut corak yang telah dilakukan. Kepingan tembaga yang dilenturkan dipakukan supaya ia tidak bergerak dan kekal pada corak lakaran. Sila rujuk gambar dibawah:



*Gambar 6: Teknik lenturan tembaga blok batik*



Proses ketiga akan dilakukan apabila proses membentuk dan melentur tembaga tadi selesai. Penggiat akan menyediakan asid untuk disapu pada corak tembaga yang dilenturkan agar ianya bercantum diantara satu sama lain. Asid hanya disapu pada bahagian yang ingin dipateri sahaja. Boleh identify x bahan asid apa?

Setelah kepingan tembaga disapu asid pada setiap sambungan, proses keempat ialah memateri kepingan tembaga tadi dengan menggunakan timah. Timah akan dibakar dengan api semawar supaya ianya cair dan memudahkan lagi proses kerja pembuatannya. Selain daripada itu, untuk mengukuhkan lagi cantuman tembaga dan timah, besi juga digunakan sebagai ejen pelekat kepada kedua-dua bahan ini.


Proses terakhir adalah memasang bingkai pada motif yang dibuat agar ianya melekat dengan baik. Pemasangan bingkai pada tepi corak blok batik perlu di pateri supaya mengikut corak blok batik yang dilakarkan. Selain daripada ingin memastikan lakaran blok batik dapat melekat dengan baik, proses pemasangan bingkai ini juga berfungsi untuk memudahkan kerja-kerja mengecop blok batik ini agar mudah dipegang oleh pengusahanya.

### **Keunikan Blok Batik**

Kehalusan seni batik yang dihasilkan oleh masyarakat melayu kini adalah sebuah lambang budaya dan identiti masyarakat melayu. Oleh hal yang demikian turut disokong oleh Hanipah Hussin (2011) yang menegaskan seni halus ini merupakan tunjang budaya yang membentuk identiti masyarakat di Malaysia. Keunikan blok batik ini dalam arus pemodenan ini dapat dilihat daripada hasil kreativiti penggiat itu sendiri. Dalam skop ini penggiat bebas untuk melontar idea mereka dalam menghasilkan Blok Batik. Namun idea yang dilontarkan mestilah tidak keterlaluan.



*Gambar 7: Blok motif organik*



*Gambar 8: Blok motif geometrik*

Keunikan blok batik dapat dilihat daripada kehalusan motif yang dilakarkan dan kreativiti oleh penggiat. Setiap penggiat mempunyai cara mereka yang tersendiri untuk melahirkan sesuatu rekaan. Motif blok yang dipilih pula mestikan mengikut syaratnya yang tertentu kerana bagi sesetengah pembeli mereka amat menitikberatkan motif yang dihasilkan. Hal ini kerana terdapat beberapa motif yang sensitif bagi sesetengah individu, agama dan bangsa. Motif yang sukar dihasilkan adalah yang bermotifkan ukiran yang halus. Semakin halus ukiran blok

semakin unik dan tinggi nilai sesebuah blok kerana tidak ramai yang sanggup menghasilkannya.

Malaysia dan Indonesia mempunyai hubungan tradisi yang diasaskan oleh nilai sepunya dari pelbagai sudut seperti bangsa, seni budaya, mahupun agama. Malah dari segi sejarah juga, tamadun Melayu yang wujud di rantau ini membentuk kesinambungan yang menghubungkan ikatan serumpun kedua-dua buah negara ini (Ab Ghani, R., Paidi, Z. ,2010). Seni budaya dan warisan antara elemen persamaan yang ketara dapat dilihat oleh kedua-dua buah negara ini. Batik merupakan seni warisan serumpun yang masing-masing memartabatkan oleh kedua negara ini.

Meskipun nama yang digunakan adalah sama, namun terdapat banyak perbezaan yang boleh dikenalpasti seperti cara pembuatan, penggunaan bahan serta motif dan corak yang digunakan di produk tekstil batik masing-masing. Hal ini jelas menunjukkan keunikan serta identiti sesebuah negara masih lagi dapat ditonjolkan oleh kreativiti dan keunikan kesenian masing-masing. Namun, jurang perbezaan yang wujud ini adalah tidak jauh diantara satu sama lain kerana kesetaraan penggunaan produk batik adalah sama.

Antara elemen yang boleh dirujuk dalam mengenalpasti perbezaan antara Batik di Malaysia dan Indonesia adalah kepada olahan motif dan corak yang digunakan oleh kedua-dua negara ini . Di Malaysia motif flora dan fauna yang ditonjolkan adalah lebih bermotifkan kepada bentuk dan jenis tumbuh-tumbuhan, serangga dan geometri. Selain itu juga, pemilihan warna yang lebih terang untuk menarik minat pengemarnya. Manakala di Indonesia, mereka lebih terdorong kepada motif fauna berbanding dengan motif flora. Corak fauna yang sering ditonjolkan adalah seperti haiwan kecil, burung Garuda serta hidupan laut. Manakala penggunaan warna yang disesuaikan dalam tekstil batik mereka adalah yang sedikit gelap.

Dari segi bahan-bahan yang digunakan dalam pembuatan Blok Batik di Malaysia pula, adalah menggunakan bahan seperti tembaga dan timah sebagai bahan zink utama. Tembaga sememangnya bahan yang sedikit lembut namun hasilnya yang halus memberikan kesan yang cantik untuk cantuman motif pada blok. Manakala di Indonesia, jenis tembaga yang digunakan dikenali sebagai Tembaga Merah.. Menurut *Md. Ghani bin Mat (2020)*, cara memateri pun tidak sama kerana di Indonesia menggunakan bahan yang sama iaitu tembaga merah manakala Malaysia memateri menggunakan timah. Apa yang dapat disimpulkan disini bahawa kedua-dua negara ini masing-masing mempunyai kelebihan dan keistimewaan yang tersendiri dalam proses pembuatan blok batik dan juga produk tekstil batik yang dihasilkan.

## **KESIMPULAN**

Dapat dirumuskan bahawa kraftangan yang berunsurkan blok batik merupakan khazanah seni halus yang dekat dengan masyarakat Melayu sejak berzaman lagi. Hal ini kerana, nilai estetika sesebuah motif atau corak yang dihasilkan bukan sahaja diaplikasikan melalui teknik pembuatan, bahan yang digunakan malah turut disokong oleh motif yang berunsurkan keindahan alam dan tamadun masyarakat di negara ini. Penghasilan idea penggiat adalah berdasarkan kepada faktor yang ada di sekeliling mereka dan diolah untuk menjadi seni yang boleh diterima oleh masyarakat. Secara tidak langsung hasil dari setiap rekaan membawa sesuatu maksud dan keunikkan yang tersendiri. Diharapkan dengan penyelidikan ini serta informasi yang diberikan berkaitan Blok Batik dapat dikekalkan dan boleh dijadikan sebagai rujukan sepanjang masa oleh kalangan penyelidik, pengusaha, penggiat dan penggemar Batik Blok di negara kita di Malaysia.

## RUJUKAN

- Ab Ghani, R., & Paidi, Z. (2010). *Malaysia-Indonesia: Pengalaman hubungan dua negara serumpun* (pp. 223-246). Institute of Tun Dr. Mahathir Mohamad's Thoughts, Universiti Utara Malaysia.
- Ahmad Farid Abdul Jalal. (2013). *Tenun Pahang Diraja: Warisan, tradisi dan falsafah*, Pahang: Penerbitan Eastern Printers Sdn. Bhd.
- Ahmed, N. Y. N. (2015). *Sumbangan Che Su dan keluarga kepada pembangunan perusahaan batik di Kelantan* (Doctoral dissertation, University Malaysia Kelantan).
- Einarsson, A. (2002). Entrepreneurship as a Part of the Creative Industries within the Sector in a Small Society. *International Comparative Management*, 208-229.
- Ghouse, N. M. (2008). *Seni Tempatan Wajar Memasuki Babak Industri . Ceramah Pesona Seni Aswara di Aswara, Kuala Lumpur*.
- Hassan, R. A. (2004). *Mengenali dan Mentafsir Sumber Sejarah. Shah Alam: Karisma Publication Sdn. Bhd.*
- Mayae3. (2016, July 22). *Motif dan Sejarah Batik di Malaysia*. Retrieved from Jabatan Penajara Malaysia: [Tempahan.prison.gov.my](http://Tempahan.prison.gov.my)
- Mud, C. S. (2016). *Khazanah Batik Blok*. Retrieved from <https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2016/01/104326/khazanah-batik-blok>.
- Maznah Mohamad. (1996). *The Malay handloom weavers a study of the rise and decline of traditional manufacture*. Singapore: Stamford Press Pte. Ltd
- Mahfuz, s. (2019). *Pengusaha Batik Blok Buatan Terengganu Hampir 'Pupus'*. Retrieved from <https://www.benarnews.org/malay/galeri-foto/my-batik-190103-01032019150722.html>
- Sheppard M.C. ff. (1949). "A Short History of Terengganu". *JMBRAS*, Jilid 22, No. 3.
- The New Straits Times Press (M) Berhad. (1991). *Batik Blok*. Retrieved from <https://www.klik.com.my/item/story/2393539/batik-blok>
- The Black Sonic. (2018). *Ciri-ciri khas Batik Blok*. Retrieved from <https://hafizulasyrablack.wordpress.com/ciri-ciri-khas-batik-blok/>
- Mahfuz, s. (2019). *Pengusaha Batik Blok Buatan Terengganu Hampir 'Pupus'*. Retrieved from <https://www.benarnews.org/malay/galeri-foto/my-batik-190103-01032019150722.html>